

02 AUG 1997

Mohamed-BN

MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BN 9 OGOS INI

KLUANG, 2 Ogos (Bernama) -- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan mengadakan mesyuarat pertamanya tahun ini pada 9 Ogos di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat berkata mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Dewan Tertinggi BN.

"Saya fikir mesyuarat ini penting terutama untuk membolehkan Pengerusi Dewan Tertinggi BN menjelaskan kepada parti tentang perkembangan semasa tanah air," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Mesra Bersama Rakyat di Felda Kahang Timur dekat sini, hari ini.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan, berkata tindakan-tindakan tegas yang diambil kerajaan dalam beberapa hal baru-baru ini perlu diterangkan supaya segala tindakan kerajaan dapat diterima dan disokong penuh oleh parti komponen BN.

Beliau tidak menolak kemungkinan soal penyalahgunaan kuasa dan rasuah serta cadangan penyeragaman undang-undang Islam di semua negeri akan dibincangkan pada mesyuarat itu.

"BN mesti menyokong penuh segala tindakan kerajaan. Bagaimanapun, ini merupakan mesyuarat biasa kerana mengikut perlembagaan BN mesyuarat mesti diadakan sekali dalam setahun," kata beliau.

Menyentuh kempen PAS pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Semerak di Kelantan, Mohamed berkata apa yang hendak diperjuangkan oleh PAS telahpun diperjuangkan Umno dan BN.

"Namakan apa saja yang PAS nak buat yang Umno dan BN tak buat. Semua orang pun tahu. Oleh kerana tidak ada modal dan takut kalah, dia (PAS) buat alasan kononnya calon BN tidak duduk di kawasan Semerak tetapi duduk di Kuala Lumpur dan banyak berulang-alik ke Kelantan," katanya.

Dulupun calon PAS yang menang pilihan raya tinggal di Kuala Lumpur juga dan ia bukan perkara luar biasa, kata Mohamed, yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno.

Mohamed berkata beliau percaya wakil-wakil rakyat dari PAS yang menang di Kelantan tidak duduk di kawasan masing-masing tetapi di Kota Baharu.

"Ini bukan alasan kuat bahkan satu helah untuk meraih undi supaya rakyat mengundi mereka. Saya nampak di kawasan Semerak tidak mudah bagi PAS untuk menang. Calon kita pun anak tempatan dan mempunyai kelayakan baik serta berkebolehan mewakili rakyat," katanya.

BN meletakkan Kamaruddin Mohd Nor, 50, sebagai calon pada pilihan raya kecil 11 Ogos itu manakala PAS mengemukakan Wan Mohd Fauzi Wan Hussin, 38. Seorang lagi calon ialah dari Angkatan Keadilan Insan Malaysia (Akim), Mohd Din Nizam Din, 57. -- BERNAMA

MKO RON